



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**Y.B DATO' SERI MAHADZIR BIN KHALID
AHLI PARLIMEN PADANG TERAP
MERANGKAP MENTERI PENDIDIKAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP)
PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2018**

**TEMPAT : DEWAN IKBN, NAKA, PADANG TERAP,
KEDAH**

TARIKH : 12 MAC 2018 (ISNIN)

MASA : 3.00 PETANG

1. Y.Bhg.Tn.Hj.Amran bin Jaafar
Pengarah Bahagian Pengembangan dan Pemindahan
Teknologi
2. Y.Brs En. Ramlie bin Tumin
Pengarah RISDA Negeri Kedah
3. Y.Bhg. Pegawai dan Kakitangan RISDA Negeri Kedah
4. Yang Dikasihi Para Pekebun Kecil Parlimen Padang Terap
5. Rakan-rakan media
6. Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1
Malaysia**

1. Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana di atas limpah dan kurnia-Nya maka kita dapat berkumpul di dalam Majlis Perasmian Konvensyen Amalan Pertanian Baik (GAP) Peringkat Negeri Kedah Tahun 2018 pada petang ini. Saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pengurusan RISDA kerana sudi menjemput saya bagi

merasmikan majlis ini. Ianya merupakan satu tanda sokongan jitu kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan hasil produktiviti kebun getah yang diusahakan supaya setiap pekebun kecil memperoleh pendapatan yang lebih tinggi.

2. Untuk makluman tuan/puan, sektor pertanian merupakan salah satu *engine* pertumbuhan ekonomi bagi Negara kita, Malaysia. Komoditi getah dan kelapa sawit telah menjadi antara eksport utama Malaysia ke seluruh dunia. Bagi mengekalkan kedudukan sebagai

pengekspor getah dan sawit dunia, teknik-teknik pertanian terbaru dan modern perlu dipelopori untuk meningkatkan pengeluaran dan juga mutu hasil keluaran. Sedemikian, RISDA telah memperkenalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) mulai tahun 2012 kepada kumpulan pekebun kecil.

3. Pada waktu harga getah yang tidak konsisten ini, program konvensional ini merupakan salah satu usaha RISDA dalam membudayakan GAP dan seterusnya merangsang ke arah

peningkatan produktiviti. GAP merupakan satu sistem pengurusan yang mengamalkan amalan pertanian yang mengikut standard dan peraturan bagi mendapatkan hasil yang tinggi di samping mengurangkan risiko dan impak negatif terhadap alam sekitar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Kerajaan melalui RISDA telah memperuntukkan sebanyak **RM 8.1 juta** untuk program-program pembangunan RISDA bagi Parlimen

Padang Terap. Program-program ini meliputi Tanam Semula, Aktiviti Ekonomi Tambahan dan Keusahawanan, Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG), Program Produktiviti Getah (PPG), Program Tuisyen Rakyat, Rumah Bina Negara dan lain-lain.

5. Bantuan seperti SIPG yang merangkumi baja dan bahan rangsangan lateks diberi secara percuma kepada pekebun kecil yang telah menoreh. Manakala PPG yang merangkumi peralatan menoreh dan racun rumpai juga diberi percuma kepada penoreh yang akan

memulakan penorehan. Bantuan ini amat penting bagi RISDA dalam membantu meningkatkan keluasan kebun getah matang bertoreh ke arah peningkatan pendapatan pekebun kecil. Melalui bantuan ini, ia dapat memastikan produktiviti kebun matang ditingkatkan kepada 1800 kg/hek/tahun disamping memastikan kebun getah matang terus ditoreh mengikut amalan pertanian baik (GAP).

6. Adalah menjadi harapan RISDA, supaya pekebun kecil terus merebut peluang yang disalurkan oleh Kerajaan melalui program

RISDA dan memberikan komitmen yang baik dalam menjayakan apa-apa aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan. RISDA hanya boleh merancang dan membantu tetapi pekebun kecil sendiri mestilah menetapkan matlamat hidup mereka dan berusaha untuk mencapainya manakala yang lain diserahkan kepada ALLAH S.W.T.

7. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada RISDA atas jemputan bagi merasmikan Majlis Perasmian Konvensyen Amalan Pertanian Baik (GAP) Peringkat

Negeri Kedah Tahun 2018 ini. Kepada tuan-tuan dan puan-puan masyarakat pekebun kecil, saya ucapkan terima kasih atas segala sumbangan kepada industri getah negara. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat memanfaatkan segala kemudahan dan bantuan kerajaan yang disediakan dan akan beroleh kejayaan dalam meningkatkan kemajuan diri dan keluarga, dan pada masa yang sama dapat memperkasa sektor perladangan dan pertanian di negara kita. Semoga majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil.

Dengan lafaz '**Bismillahirrahmanirrahim**' saya dengan ini merasmikan "Majlis Perasmian Konvensyen Amalan Pertanian Baik (GAP) Peringkat Negeri Kedah Tahun 2018" .

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.